



Ruj. Kami : ANM.JB (KP)/30 (41)
Tarikh : 9 Februari 2021
27 Jamadil Akhir 1442H

**Ketua Jabatan Persekutuan,
Pusat Tanggungjawab / Pusat Pembayar,
Negeri Johor Darul Ta'zim.**

YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**TANGGUNGJAWAB PEJABAT PERAKAUNAN UNTUK MELULUSKAN
PERMOHONAN PEMUSNAHAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN**

Dengan hormatnya adalah saya di arah merujuk perkara di atas. Surat Akauntan Negara Malaysia rujukan JANM.BPAD.600-18/1/1(25) bertarikh 28 Februari 2020 dan surat Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia rujukan JANM.BPOPP.600-17/9/1JLD.3(31) bertarikh 19 Januari 2021 adalah berkaitan.

2. Selaras dengan kuasa yang diberikan melalui surat tersebut, tanggungjawab meluluskan permohonan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan telah diberikan kepada Pejabat Perakaunan mulai 1 April 2020 (sila rujuk infografik yang disertakan). Ini bagi memudahkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menguruskan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan di PTJ masing-masing serta memastikan ketetapan pada Arahan Perbendaharaan (AP) 150 dipatuhi.

3. Sehubungan dengan itu, PTJ yang terlibat perlu mengemukakan permohonan kelulusan pemusnahan Rekod Kewangan dan Perakaunan (**Borang Kewangan-Arkib 4/08**) bersama-sama dokumen berikut;

- a) Surat kebenaran/ sokongan daripada Arkib Negara Malaysia;
- b) Surat kebenaran/ sokongan daripada Jabatan Audit Negara; dan
- c) Surat kebenaran/ sokongan daripada SPRM/ Audit Dalam Kementerian/ lain-lain Agensi (jika berkaitan)

4. PTJ perlu merujuk kepada Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan (JPRKP) yang dikeluarkan oleh Jabatan Arkib Negara pada 27 Disember 2007 dan Lampiran M kepada AP150(ii) untuk mendapatkan panduan tempoh minimum penyimpanan buku/ rekod kewangan dan perakaunan yang diuruskan oleh PTJ.

..!


5. Bersama-sama ini juga disertakan Borang Kewangan-Arkib 4/08 (**Lampiran A**) dan Senarai Akta dan Peraturan yang berkaitan (**Lampiran B**). PTJ adalah bertanggungjawab memastikan pemusnahan rekod dilaksanakan dalam **tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kelulusan** yang diberikan oleh Pejabat Perakaunan kelak.

Perhatian YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah diperlukan dalam memastikan peraturan berkuatkuasa mengenainya dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,




(~~KALTHOM~~ BINTI SALIM C.A.(M))
Pengarah,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Negeri Johor.

-NAZ/razaknaziren_jhr@anm.gov.my/2021-



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PERMOHONAN KELULUSAN PEMUSNAHAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN



MULAI 1 APRIL 2020

SELARAS DENGAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT BIL. 4 TAHUN 2019
DAN SURAT AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

NO. RUJUKAN: JANM.BPAD.600-18/1/1(25) BERTARIKH 28 FEBRUARI 2020

AKTA DAN PERATURAN BERKAITAN PEMUSNAHAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

1. Akta Arkib Negara Malaysia 2003 (Akta 629);
2. Arahan Perbendaharaan (AP) 150;
3. Arahan Perbendaharaan (AP)299;
4. Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 1997
5. Surat Kementerian Kewangan KB557/97/54 Jilid. 4 (47) bertarikh 3 November 1993; dan
6. Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan (JPRKP) (Kumpulan 1 – Rekod Kewangan dan Perakaunan) yang dikeluarkan oleh Jabatan Arkib Negara pada 27 Disember 2007.